

TARIKH : 4.12.2019
MEDIA : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 16

FELCRA agih keuntungan interim RM50.54 juta

Kuala Lumpur: FELCRA Ltd akan mengagihkan keuntungan interim 2/2019 berjumlah RM50.54 juta kepada 67,000 pesertanya di seluruh negara bermula Ahad ini.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata bagi agihan keuntungan itu, FELCRA memperuntukkan 70 peratus daripada jumlah keuntungan hasil ladang bagi tempoh Januari hingga Ogos lalu berjumlah RM472.20 juta kepada peserta terbabit.

"Baki 30 peratus akan digunakan untuk menampung sebarang kos operasi ladang yang belum diambil kira, jika ada.

"Keuntungan diagihkan ini hasil keuntungan bersih ladang milik peserta sebanyak 641 projek yang dimajukan FELCRA," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dari segi perbandingan bayaran agihan interim yang sama bagi 2018, Mohamed Azmin berkata, bayaran interim 2/2019 ini menunjukkan peningkatan RM23.27 juta atau 50 peratus.

"Peningkatan ini disebabkan

kegiatan kerajaan yang bersejajar menanggung beban bayaran baki hutang pembangunan ladang supaya dapat dipulangkan kepada peserta sebagai tambahan bayaran, selain gus bagi meredakan beban kos sara hidup yang dihadapi peserta," katanya.

Mohamed Azmin berkata, FELCRA juga melaksanakan transformasi menyeluruh dalam operasi perladangan bagi memastikan purata produktiviti ladang semilasa berada pada tahap optimum.

"Kesan proses transformasi ini

**Keuntungan
diagihkan ini
hasil keuntungan
bersih ladang milik
peserta sebanyak
641 projek yang
dimajukan FELCRA.**

**Mohamed Azmin Ali,
Menteri Hal Ehwal Ekonomi**



FELCRA akan menggunakan 70 peratus daripada keuntungan diperolehi untuk menampung kos operasi ladang yang belum diambil kira. (Foto: BERNAMA)

menghasilkan pengeluaran buah-benduan segar berkualiti, yang seterusnya dapat meningkatkan kadar perahan minyak (OER) sawit daripada 18.17 peratus pada tahun 2018 kepada 18.31 peratus pada 2019," katanya.

Beliau berkata, pembangunan sektor pertanian menjadi antaramuka kerajaan menerusi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 untuk memajukan pertumbuhan baharu dan mencipta nilai tambah kepada ekonomi negara.

"Usaha ini merangsang pengurusan ladang yang lebih efisien dan efektif supaya produktiviti tanah dapat ditingkatkan bagi meningkatkan pendapatan serta menjamin keuntungan," katanya.

BERNAMA